

# 20,000 pesakit tunggu pelbagai jenis organ

**Petaling Jaya:** Hampir 20,000 pesakit masih menunggu untuk mendapatkan pelbagai jenis organ daripada penderma di negara ini.

Ketua Pengurus Klinikal, Pusat Sumber Transplan Nasional, Datin Dr Fadhilah Zowyah Lela Yasin Mansor, berkata daripada jumlah itu, pesakit buah pinggang adalah penunggu organ paling tinggi dengan 19,474 orang, diikuti pesakit hati (8), pesakit jantung (6), pesakit jantung dan hati (6) serta pesakit paru-paru (4).

“Pesakit buah pinggang mencatatkan jumlah tertinggi kerana mereka masih bertahan dengan menjalani rawatan dialisis secara berjadual. Peningkatan penyakit itu disebabkan faktor pemakanan, gaya hidup serta kesan pengambilan ubat-ubatan yang tidak disahkan oleh Kementerian Kesihatan,” katanya selepas melancarkan laman media sosial Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan, di sini, semalam.

## **Daftar sebagai pengikrar**

Sehubungan itu, Dr Fadhilah Zowyah mengajak masyarakat di negara ini, tanpa mengira latar belakang agama supaya mendaftar sebagai pengikrar penderma organ di laman <http://www.dermaorgan.gov.my/>.

Katanya, bilangan pengikrar penderma organ dalam kalangan masyarakat Melayu turut mencatat peningkatan ketara selepas 6,211 atau 45.92 peratus daripada 13,524 mendaftar sebagai penderma organ bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini.

“Jumlah itu menjadikan penderma organ Melayu sehingga kini seramai 77,683 daripada keseluruhan 303,254 penderma sejak kempen menderma organ diperkenalkan pada tahun 1997,” katanya.